

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 27 MEI 2015

SOALAN :

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan kesan langkah yang diambil untuk mengatasi masalah
kecurian dan penjualan buah kelapa sawit yang dicuri.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah mengenalpasti beberapa ladang di Sarawak yang menghadapi masalah kecurian buah tandan segar (BTS) sawit akibat dari pertikaian hak milik sebahagian dari tanah di ladang tersebut. Ladang-ladang yang terlibat antaranya adalah ladang IOI-Pelita, Palm Raya, Sachiew dan TH Pelita Sadong.

Bagi membanteras isu kecurian ini, operasi yang dikenali sebagai Ops Sawit Kenyalang telah dilaksanakan sejak 1 Julai 2014. Operasi ini melibatkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan agensi-agensi penguatkuasaan lain termasuk pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen.

Hasil dari operasi tersebut, sebanyak 280 notis kompaun telah dikeluarkan kepada pekebun kecil dan peniaga sawit atas pelbagai kesalahan. Selain itu, sebanyak 41 kes yang disyaki terlibat dengan kecurian BTS telah dipanggil untuk pendengaran di mana 25 lesen telah digantung, 3 lesen dibatalkan, 6 pemegang lesen dikompaun dan 7 pemegang lesen diberi amaran.

Operasi tersebut telah berjaya mengurangkan jumlah kecurian BTS di ladang-ladang yang berkenaan di mana ladang IOI Pelita telah merekodkan peningkatan hasil pengeluaran BTS sebanyak 55% kepada 786 tan pada bulan Oktober 2014 berbanding 507 tan pada bulan Julai

2014 iaitu tiga (3) bulan selepas operasi dijalankan. Sementara ladang-ladang Palm Raya, Sachiew dan TH Pelita Sadong masing-masing merekodkan peningkatan sebanyak 18%, 24% dan 6% kepada 8,841 tan, 1,733 tan dan 3,690 tan berbanding 7,482 tan, 1,393 tan dan 3,466 tan bagi tempoh yang sama.

Selain itu, operasi ini turut meningkatkan kesedaran di kalangan pekebun kecil akan kepentingan mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh MPOB, di mana permohonan untuk mendapatkan lesen oleh pekebun kecil telah meningkat sebanyak 848 lesen daripada 640 lesen yang direkodkan pada bulan Mac 2015 kepada 1,488 lesen baharu pada bulan April 2015.

Ops Sawit Kenyalang ini akan diteruskan bagi memastikan semua ladang-ladang yang terlibat bebas dari kes-kes kecurian buah tandan segar (BTS).

Sekian, terima kasih.